



Kuasa dan Strategi Berpolitik dalam Pilihan Raya Kecil: Antara Status Quo, Calon atau Parti

Power and Political Strategy in By-Elections: Between Status Quo, Candidate or Party

Saiyid Radzuwan Syed Sopi^{1*}

¹ Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ)
Universiti Sains Malaysia, 11800 Minden, Pulau Pinang, MALAYSIA

*Corresponding Author: pbsaiyid@usm.my
DOI: <https://doi.org/10.30880/ahcs.2024.05.03.008>

Article Info

Received: 30 September 2024
Accepted: 19 October 2024
Available online: 30 December 2024

Kata kunci

Parlimen, media sosial, penyandang kerusi, fanatik dan akar umbi

Keywords

Parliament, social media, incumbent, fanaticism, and grassroots

Abstrak

Apabila parti pemerintah mengumumkan pembubaran parlimen, maka secara automatiknya pengundi berpendapat bahawa mereka akan membuang undi secara serentak untuk memilih ahli parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang baharu. Namun, Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) memperlihatkan sedikit kelainan apabila hanya negeri-negeri di bawah Barisan Nasional (BN) akan mengadakan PRU serentak manakala negeri-negeri yang bukan di bawah BN akan mengadakan Pilihan Raya Negeri (PRN). Selain PRU dan PRN, terdapat juga Pilihan Raya Kecil (PRK) yang menjadi perdebatan hangat dalam kalangan parti politik, pemerhati politik dan media sosial. Lazimnya, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya PRK seperti a) penyandang kerusi meninggal dunia, b) meletakkan jawatan, c) beralih sokongan dan d) mahkamah pilihan raya mengisytiharkan kemenangan penyandang tersebut terbatal dan tidak sah disebabkan amalan rasuah ketika kempen pilihan raya. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dan bahan-bahan rujukan yang bersifat fizikal dan atas talian dijadikan sumber rujukan. Justeru, kajian ini mendapati bahawa konflik inferior, sikap malu untuk menegur kesalahan wakil rakyat, fanatik kepada parti dan biar kalah dalam PRU atau PRK asalkan parti kesukaan mereka mentadbir akan memberikan keuntungan kepada parti. Dalam hal ini, parti yang tidak berdaya saing akan terus menjadi pemerintah kerana wujudnya sokongan akar umbi yang sukar digugat. Oleh itu, terdapat kemungkinan proses pembangunan yang sepatutnya dilaksanakan oleh pemerintah akan menjadi perlahan atau tidak kelihatan disebabkan kredibiliti parti pemerintah yang tidak berdaya saing.

Abstract

Abstract: When the ruling party announces the dissolution of parliament, voters automatically think that they can cast their ballots simultaneously to elect new members of the parliament and the state assembly. However, the 15th General Election (GE15) showed a slight



difference when only the states under the National Front (BN) will hold GE simultaneously while the states that are not under the BN will hold State Elections (SE). Besides the GE and SE, there are also by-elections that are seriously debated among political parties, political observers and social media. Typically, a by-election is caused by several factors namely a) the incumbent dies, b) resigns, c) shifts support and d) the election court declares the incumbent's victory null and void due to corrupt practices during the election campaign. This study is a qualitative study and reference materials that are physical and online were used as reference sources. Thus, this study found that inferior conflict, shyness to rebuke the mistakes of elected representatives, fanaticism towards the party and letting them lose in the GE or by-election as long as their favorite party governs might benefit the party. In this case, the party that is not competitive will continue to be the government because of the existence of grassroots support that is difficult to challenge. Therefore, there is a possibility that the development process that should be implemented by the government will be slow or invisible due to the uncompetitive of the ruling party.

1. Pendahuluan

Apabila Perdana Menteri (PM) Ismail Sabri mengumumkan pembubaran parlimen pada 10 Okt 2022, maka pengundi secara automatik akan membayangkan bahawa mereka akan membuang undi untuk memilih ahli parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang baharu. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah mengumumkan bahawa Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) akan diadakan pada 19 Nov 2022. Secara tradisinya, SPR akan menguruskan PRU secara serentak yang melibatkan kerusi parlimen dan DUN. Namun, PRU15 pada kali ini akan memperlihatkan sedikit kelainan apabila PRU hanya melibatkan parlimen dan negeri-negeri yang dikuasai oleh Barisan Nasional (BN) seperti Perlis, Perak dan Pahang sahaja. Negeri-negeri yang dikuasai oleh Pakatan Harapan (PH) seperti Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan akan mengadakan Pilihan Raya Negeri (PRN) pada 12 Ogos 2023. Begitu juga dengan negeri-negeri di bawah pentadbiran Parti Islam Se-Malaysia (PAS) seperti Kedah, Terengganu dan Kelantan akan mengadakan PRN pada tarikh yang sama seperti PH. Perbezaan tarikh PRU antara negeri-negeri tersebut disebabkan kerajaan pusat di bawah Perikatan Nasional (PN) telah membubarkan parlimen lebih awal dari tarikh matang untuk diadakan PRU.

Justeru, negeri-negeri yang bukan di bawah BN enggan mematuhi tarikh PRU yang ditetapkan oleh SPR dan mereka memilih tarikh lain untuk diadakan PRN. Tindakan yang dilakukan oleh PH dan PAS dalam memilih tarikh berbeza untuk diadakan PRN tidak bertentangan dengan perlembagaan negara dan SPR merestui perbuatan mereka. Walau bagaimanapun, negeri-negeri seperti Sarawak, Sabah, Melaka dan Johor telah mengadakan PRN lebih awal dari tarikh pembubaran parlimen. Sabah telah mengadakan PRN pada 26 September 2020, diikuti dengan Sarawak pada 18 Dis 2021, disusuli dengan Melaka pada 20 Nov 2021 dan disudahi dengan Johor pada 12 Mac 2022. Umum mengetahui bahawa hanya Sarawak mempunyai autoritinya tersendiri dan negeri itu akan mengadakan PRN secara berasingan daripada pusat. Ini merupakan amalan yang telah diaplikasikan oleh Sarawak sejak dulu lagi dan tindakannya itu dibenarkan dalam perlembagaan negara.

Oleh itu, bagaimanakah Sabah, Melaka dan Johor boleh mengadakan PRN lebih awal berbanding pusat dan apakah faktor yang menyebabkan SPR membenarkan mereka berbuat sedemikian? Bukakkah sistem pentadbiran Malaysia berlandaskan sistem federalisme dan setiap negeri harus mematuhi keputusan yang dilakukan oleh pusat. Realitinya, pengurusan politik Malaysia menjadi kucar kacir apabila munculnya beberapa katak dan pelacur politik selepas pentadbiran Putrajaya bertukar tangan daripada PH ke PN disebabkan PM Mahathir Mohamad meletak jawatan pada 24 Feb 2020 (Saiyid, R. S. S., 2021). Penukaran kerajaan bukan sahaja berlaku di Putrajaya, malahan negeri-negeri seperti Johor, Melaka, Perak dan Kedah tidak terkecuali daripada terkena tempas katak politik. Jika dilihat daripada perspektif wakil rakyat, mereka membuat tanggapan bahawa amalan melompat parti tidak menyalahi falsafah politik dan nilai demokrasi. Pemain politik sering mempunyai pelbagai tafsiran yang memberikan keuntungan kepada mereka dan mereka juga cuba menghalalkan segala tindakan yang mereka lakukan. Namun, masyarakat berpendapat bahawa tindakan katak politik memberikan gambaran seolah-olah mandat mereka tidak dihormati. Hal ini kerana terdapat pengundi yang memberikan undi kepada calon yang lantang memperjuangkan isu rakyat. Namun, kesudahannya calon tersebut telah melompat ke parti lain yang tidak disukai oleh pengundi dan tindakan sedemikian telah merampas hak pengundi.

Selain PRU atau PRN, terdapat Pilihan Raya Kecil (PRK) yang menjadi perdebatan dalam kalangan ahli politik dan rakyat. Terdapat pelbagai reaksi daripada parti politik, pengulas politik dan media sosial yang akan memberikan tumpuan jika sesebuah kawasan itu perlu diadakan PRK. Lazimnya, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya PRK seperti a) penyandang kerusi meninggal dunia, b) meletakkan jawatan, c) beralih

sokongan dan d) mahkamah pilihan raya mengisytiharkan kemenangan penyandang tersebut terbatal dan tidak sah disebabkan amalan rasuah ketika kempen pilihan raya. Namun, faktor yang sering menyebabkan PRK di Malaysia ialah kematian atau mahkamah membatalkan kemenangan seseorang itu. Selanjutnya, faktor seperti beralih sokongan tanpa melompat parti merupakan penyebab yang julung-julung kali terjadi. Walau bagaimanapun, semua pihak perlu akur dengan keputusan speaker sama ada parlimen atau DUN jika beliau mengumumkan berlakunya kekosongan kerusi. Hal ini kerana pada kebiasaannya keputusan speaker adalah muktamad dan tidak boleh dicabar di mahkamah.

Justeru, tulisan ini akan menganalisis mengapa PRK menjadi tumpuan hangat dalam kalangan parti politik, aktor-aktor politik dan penyokong parti politik. Terdapat segelintir pemimpin politik yang mengeluarkan kenyataan yang tidak beretika dengan menegaskan bahawa jika mereka menang dalam PRK ini, maka pentadbiran pusat atau negeri akan bertukar tangan. Umumnya, PRK tidak sama dengan PRU yang mana PRK hanya menumpukan sesebuah kerusi yang dikosongkan oleh penyandang kerusi disebabkan kematian atau atas arahan mahkamah pilihan raya. Bagaimanakah kemenangan satu kerusi boleh mengubah kerajaan pusat atau negeri, kecuali hanya satu kerusi yang memisahkan antara pemerintah dengan pembangkang. Oleh itu, pengundi harus bijak menilai isi kandungan kempen PRK daripada mereka yang gila kuasa dan mereka dinasihatkan agar tidak menjadi masyarakat yang buta politik. Seterusnya, faktor calon atau parti yang bertanding dalam PRK sering menjadi topik perbualan hangat dalam kalangan pengundi dan tulisan ini akan membahaskan secara kritikal pilihan manakah yang sepatutnya dilakukan oleh pengundi.

2. Calon atau parti dalam PRK

Selepas tamatnya PRU15, suhu politik Malaysia terus dipanaskan dengan PRK akibat kematian penyandang kerusi, dibatalkan status sebagai wakil rakyat oleh mahkamah pilihan raya disebabkan rasuah dan diarah kosongkan kerusi hanya kerana beralih sokongan. Terdapat 4 PRK parlimen dan 7 PRK DUN sepanjang tempoh kekuasaan PH selama 22 bulan (Nov 2022-Ogos 2024). Jika diteliti jadual 1, PRK parlimen Padang Serai dan Pulau diadakan akibat kematian penyandang kerusi manakala PRK parlimen Kuala Terengganu (KT) dan Kemaman pula berlaku disebabkan mahkamah pilihan raya mengisytiharkan kemenangan penyandang kerusi terbatal dan tidak sah disebabkan amalan rasuah ketika kempen pilihan raya. Berdasarkan keputusan PRK keempat-empat parlimen, hanya parlimen Padang Serai berubah kuasa daripada PH ke PN manakala baki tiga lagi berjaya mengekalkan *status quo* masing-masing. Terdapat kemungkinan salah satu faktor kekalahan PH di PRK parlimen Padang Serai ialah rakyat masih tidak dapat menerima kenyataan bahawa United Malays National Organisation (UMNO) diterima menjadi sebagai sebahagian daripada anggota gabungan kerajaan perpaduan.

Jadual 1: Tarikh PRK parlimen

Kerusi	Tarikh	Sebab	Penyandang	Bertanding	Menang
Padang Serai	7/12/22	Kematian	PH	PH vs PN	PN
KT	12/8/23	Dibatalkan	PN	PH vs PN	PN
Pulai	9/9/23	Kematian	PH	PH vs PN	PH
Kemaman	2/12/23	Dibatalkan	PN	PH vs PN	PN

Sumber: Dikemaskini daripada data SPR

Selanjutnya, calon parlimen KT dan Kemaman telah dibatalkan statusnya sebagai wakil rakyat oleh mahkamah pilihan raya disebabkan mereka didapati bersalah mengamalkan rasuah politik ketika kempen pilihan raya. PN masih mengekalkan calon sama untuk PRK parlimen KT manakala calon baharu untuk parlimen Kemaman. Ironisnya, PN berjaya mengekalkan momentum kemenangannya di PRK parlimen KT walaupun calon yang bertanding dalam PRK tersebut sudah terbukti bersalah oleh mahkamah pilihan raya kerana terlibat dengan rasuah politik [Syahira Yahya, 2023]. Dalam hal ini, adakah faktor calon atau parti dijadikan sandaran oleh pengundi walaupun mereka sudah mengetahui bahawa reputasi calon tersebut sudah dicemari dengan najis rasuah. Terbukti bahawa pengundi melihat parti perlu diutamakan berbanding calon walaupun calon yang bertanding tidak mempunyai integriti. Persoalannya di sini ialah bagaimanakah seseorang calon yang terbukti bersalah atas kes rasuah masih boleh diangkat sebagai seorang pemimpin? Selain itu, apakah yang boleh diharapkan oleh pengundi terhadap calon tersebut kerana maruahnyanya sebagai pemimpin pun sudah dilanda konflik? Realitinya, pengundi melihat parti perlu diutamakan dan mereka beranggapan bahawa maruah bukannya unsur penting untuk menjadi seorang pemimpin.

Sementara itu, jadual 2 menjelaskan bahawa hanya DUN Nenggiri berubah kuasa daripada PN ke PH dan bakinya berjaya mengekalkan *status quo* masing-masing disepanjang 7 PRK yang dikendalikan oleh SPR. DUN Nenggiri diisytiharkan kosong oleh speaker DUN Kelantan apabila beliau mendapati bahawa penyandang kerusi daripada Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) telah melanggar Perkara 31 Undang-undang Tubuh Kerajaan

Kelantan [Muhafandi Muhamad, 2024]. Faktor yang menyebabkan speaker mengarahkan kerusi DUN Nenggiri perlu dikosongkan ialah apabila penyandang kerusi tersebut mengalih sokongan daripada PN kepada PH. Realitinya, kerajaan Kelantan ditadbir oleh PAS manakala Bersatu merupakan rakan kongsi mereka dan perkongsian kuasa tersebut menghasilkan PN. Selanjutnya, isu pengosongan kerusi milik Bersatu bukan sahaja dituntut di DUN Nenggiri malahan senario yang sama juga berlaku di enam kerusi parlimen Bersatu (Jeli, Gua Musang, Kuala Kangsar, Labuan, Bukit Gantang dan Tanjung Karang). Setelah berjaya memujuk speaker DUN Kelantan agar mengarahkan kerusi DUN Nenggiri dikosongkan, maka strategi seterusnya ialah mendesak speaker Dewan Rakyat supaya mengisytiharkan enam kerusi parlimen milik Bersatu dikosongkan.

Jadual 2: Tarikh PRK DUN

Kerusi	Tarikh	Sebab	Penyandang	Bertanding	Menang
Tioman	7/12/22	Kematian	PH	PH vs PN	PH
Smpg Jeram	9/9/23	Kematian	PH	PH vs PN	PH
Pelangai	7/10/23	Kematian	PH	PH vs PN	PH
Jepak	3/11/23	Kematian	PH	PH vs PN	PH
KKB	11/5/24	Kematian	PH	PH vs PN	PH
Sg Bakap	6/7/24	Kematian	PN	PH vs PN	PN
Nenggiri	17/8/24	Dikosongkan	PN	PH vs PN	PH

Sumber: Dikemaskini daripada data SPR

Punca yang menyebabkan Bersatu marah kepada wakil rakyatnya di peringkat DUN dan parlimen ialah apabila mereka mengisytiharkan sokongan kepada PM Anwar Ibrahim [Abd Razak Mohd Ali, 2024]. Oleh itu, Setiausaha Agung Bersatu, Hamzah Zainudin menegaskan bahawa parti itu sudah menyerahkan notis terhenti keahlian serta merta kepada tujuh wakil rakyat yang melakukan ketidakpatuhan mengikut Fasal 10.4 perlembagaan parti itu. Persoalannya di sini ialah adakah penyandang kerusi melakukan kesalahan apabila beliau mengalih sokongan kepada PH tanpa melompat parti? Berdasarkan keputusan speaker DUN Kelantan, setiap wakil rakyat harus mengekalkan kesetiaan mereka kepada parti masing-masing dan memberikan komitmen penuh kepada parti pemerintah. Mereka dilarang berubah sokongan kepada parti lawan walaupun tanpa melompat parti kerana pada tanggapan speaker, perbuatan mengubah sokongan adalah satu kesalahan dan tidak beretika. Namun, keputusan sebaliknya berlaku di Dewan Rakyat selepas speaker mempertimbangkan segala keterangan dan testimoni, beliau memutuskan bahawa tiada keperluan enam anggota parlimen Bersatu mengosongkan kerusi kerana mereka masih dianggap sebagai pembangkang [Abdullah Zaid, 2024].

Keputusan speaker Dewan Rakyat mengekalkan kedudukan enam ahli parlimen Bersatu yang menyokong PM Anwar adalah berdasarkan tafsiran undang-undang dalam perlembagaan Persekutuan. Jika dibandingkan dengan keputusan speaker DUN Kelantan, ternyata bahawa pengosongan kerusi DUN Nenggiri tidak boleh terikat dengan keputusan speaker Dewan Rakyat kerana terdapat pemisahan kuasa antara negeri dan Persekutuan. Justeru, speaker Dewan Rakyat dibenarkan oleh undang-undang untuk membuat tafsiran berkaitan hal tersebut secara keseluruhannya dan perkara itu seharusnya diketahui dengan jelas oleh pimpinan Bersatu. Tambahan pula, speaker Dewan Rakyat mempunyai hak untuk tidak mengikut keputusan speaker DUN atau mana-mana DUN kerana beliau dibenarkan membuat tafsiran sendiri. Tindakan speaker Dewan Rakyat telah menimbulkan kemarahan kesemua ahli parlimen Bersatu kerana keputusan speaker telah menghancurkan harapan mereka untuk mendesak kerajaan agar mengadakan PRK di enam kawasan parlimen.

Sementara itu, isu calon atau parti sudah lama diperdebatkan oleh mereka yang mengikuti perkembangan semasa politik Malaysia. Namun, isu tersebut amat sukar dibahaskan secara kritikal kerana jawapan untuk menjelaskan secara empirikal adalah terlalu subjektif dan wujudnya lompang yang luas untuk diperbahaskan. Selanjutnya, terdapat beberapa wakil rakyat yang berpotensi untuk menang dalam setiap PRU, tetapi mereka memilih untuk bertanding dalam kawasan yang sama pada setiap PRU. Begitu juga dengan segelintir wakil rakyat yang berpindah kawasan dan mereka juga menang dalam PRU walaupun kawasan itu bukan kubu kuat beliau. Sebagai contoh, Anwar dilihat sebagai calon yang mempunyai potensi untuk menang di mana sahaja beliau bertanding. Dalam hal ini, adakah kemenangan Anwar itu disebabkan perwatakannya atau parti yang diwakilinya? Realitinya, Anwar pernah bertanding di Permatang Pauh, Port Dickson dan tempat terakhirnya di Tambun dengan menggunakan tiket UMNO dan Parti Keadilan Rakyat (PKR). Ironisnya, beliau menang dalam setiap PRU tidak kira sama ada beliau mewakili UMNO atau PKR. Justeru, kemenangan Anwar boleh disifatkan sebagai faktor calon dan bukannya parti kerana sudah terbukti bahawa beliau akan menang dalam PRU walaupun atas tiket bebas.

Selain Anwar, calon yang berpotensi untuk menang dalam PRU atas kapasiti perwatakannya ialah Wan Azizah Wan Ismail (WAWI), Nurul Ezzah dan Lim Kit Siang (LKS). Namun, mereka hanya menggunakan tiket parti yang sama tetapi dalam kawasan yang berbeza. WAWI pernah menang di parlimen Permatang Pauh, Pandan dan Bandar Tun Razak serta beliau juga pernah menang di PRK DUN Kajang. Selanjutnya, LKS juga

mempunyai perwatakan yang hebat apabila beliau pernah menang di parlimen Ipoh Barat dan Iskandar Puteri. Justeru, calon yang bertanding di kawasan yang berbeza dalam setiap PRU diklasifikasikan sebagai calon yang berkualiti dan mempunyai daya tarikan yang menarik untuk dipilih sebagai wakil rakyat. Walau bagaimanapun, calon seperti Anwar, WAWI dan LKS hanya bertanding di pantai barat dan mereka tidak pernah mencuba bertanding di pantai timur. Oleh itu, adakah kemenangan yang diperoleh oleh Anwar, WAWI dan LKS disebabkan atas kapasiti faktor personaliti atau ada faktor-faktor lain?

Setiap calon yang ingin bertanding dalam PRU akan mengkaji secara teliti demografi sesebuah kawasan dan potensi untuk memperoleh kemenangan. Mereka tidak akan mencuba nasib secara membuta tuli di kawasan yang bukan kubu kuat mereka. Hal ini kerana adalah mustahil seseorang calon itu akan bertanding di kawasan yang belum ada kepastian untuk menang. Realitinya, pecahan kaum mengikut negeri dilihat sebagai salah satu faktor yang perlu diambil kira oleh seseorang calon untuk memenangi PRU. Jadual 3 menjelaskan bahawa terdapat 58% peratusan keseluruhan Melayu Islam di Malaysia. Kebanyakan penduduk yang majoriti Melayu tertumpu di negeri-negeri utara dan pantai timur. Manakala penduduk berbilang kaum lebih menumpukan di kawasan pantai barat dan Malaysia timur. Persoalannya di sini, apakah kaitan antara kawasan tumpuan orang Melayu dengan calon yang bertanding dalam PRU?

Jadual 3: Peratusan kaum Melayu mengikut negeri

Negeri	%	Negeri	%
Perlis	88.8%	Kedah	80.1%
Kelantan	95%	Terengganu	97.6%
Pahang	71.2%	Perak	57.1%
Pulau Pinang	41.1%	Selangor	55.7%
Kuala Lumpur	45.9%	Negeri Sembilan	61.5%
Melaka	66.6%	Johor	60.1%
Sabah	9.5%	Sarawak	23.7%

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan laman web kerajaan negeri (census 2020 dan dapatan 2023)

Unsur-unsur seperti penyokong tegar, pengikut fanatik, enggan menerima perubahan, biar kalah asalkan parti kesukajaan mereka mentadbir dan musnahkan musuh politik dengan menyebarkan fitnah dianggap sebagai faktor yang boleh memberikan kemenangan atau kekalahan kepada seseorang calon dalam PRU. Realitinya, naluri semula jadi orang Melayu Islam yang selesa tinggal di luar bandar dan mereka amat sensitif jika ada pihak yang hendak menjatuhkan pemimpin kesukajaan mereka. Mereka sanggup berkorban apa sahaja demi mempertahankan adat kepercayaan dan legasi kefahaman turun temurun walaupun kepercayaan tersebut sudah usang ditelan zaman. Justeru, calon yang berpotensi untuk menang dalam PRU jika mereka bertanding di mana sahaja tidak akan mencuba nasib di kawasan yang dikuasai oleh golongan seperti di atas. Hal ini kerana mereka menyedari bukan mudah untuk memujuk atau menasihati agar golongan-golongan tersebut menerima perubahan. Sebagai contoh, Husam Musa dan Nik Omar Nik Aziz pernah dikategorikan sebagai individu yang mempunyai potensi untuk menjadi pemimpin masa depan di Kelantan.

Namun, kehebatan kedua-dua individu tersebut telah musnah setelah mereka dihukum oleh pengundi atau penyokong atau pengikut yang setia pada parti dan bukannya pada calon. Peristiwa yang menimpa Nik Omar menjelaskan bahawa beliau tidak lagi dibenarkan menjadi imam dan menyampaikan kuliah di Masjid Tok Guru, berikutan keputusannya menyertai PH pada PRU14 [Mohd Zulkifli Zainuddin, 2018]. Senario ini membuktikan bahawa walaupun Nik Omar merupakan anak bekas Menteri Besar Nik Aziz yang disegani, fahaman yang PAS percaya ialah seseorang ahli PAS harus menjadi dan menyokong PAS dari dulu, kini dan selamanya. Jika ada daripada mereka yang secara sedar atau sengaja menyertai parti politik lain, maka tiada tolak ansur terhadap individu tersebut walaupun beliau merupakan bekas pemimpin PAS pada suatu masa dahulu. Tindakan PAS boleh diklasifikasikan sebagai diktator, tetapi pejuang tegar dan penyokong fanatik membuat tanggapan bahawa itulah hukuman yang perlu dibayar oleh mana-mana individu atau kumpulan yang pada asalnya penyokong PAS, namun telah menukar pendirian dengan memberikan sokongan kepada parti politik lain [Saiyid R. S. S., 2021].

Sebagai kesimpulan, perdebatan mengenai calon atau parti diklasifikasikan sebagai satu kajian yang sukar untuk menemui noktah jawapan yang tepat. Parti yang bijak memanipulasikan pemikiran rakyat akan berjaya mengekalkan status quo walaupun calon yang ditonjolkan dalam PRU atau PRK tidak memenuhi kriteria sebagai seorang pemimpin. Salah satu kaedah yang paling ampuh untuk memastikan pengundi terus memberikan sokongan kepada sesebuah parti ialah dengan memanipulasikan hukum hakam agama. Kebanyakan pengundi Melayu Islam memang dahagakan ilmu agama dan peluang inilah yang akan memberikan keuntungan kepada parti yang mengklasifikasikan hanya mereka yang mampu menyampaikan ilmu agama yang betul kepada rakyat. Oleh itu, rakyat yang buta politik akan terpengaruh dengan propaganda parti yang menggunakan agama sebagai senjata perjuangan. Sebagai hasilnya, ramai wakil rakyat yang dipilih dalam PRU atau PRK gagal mempamerkan

keperibadiannya sebagai seorang pemimpin. Hal ini kerana mereka memenangi sesebuah PRU atau PRK atas tiket parti dan bukannya perwatakannya sebagai seorang calon.

3. Media sosial dan PRK

Perubahan teknologi komputer yang pesat telah menghasilkan satu aplikasi yang dapat menghubungkan sesiapa sahaja dalam masa yang pantas. Pada masa kini, terdapat pelbagai aplikasi seperti *Instagram*, *WhatsApp*, *WeChat*, *Facebook* dan *Tik Tok* dan kesemua aplikasi tersebut boleh dimuat turun secara percuma. Pengguna boleh menyampaikan apa sahaja maklumat sama ada berbentuk gambar atau grafik atau video kepada penerima dalam masa yang singkat. Penciptaan kemajuan teknologi sepatutnya memudahkan rakyat untuk berhubung, namun terdapat juga pengguna yang memanfaatkan kecanggihan teknologi untuk menghantar berita palsu. Sebagai contoh, terdapat rusuhan kaum di Southport, utara England pada 29 Julai 2024 apabila tiga kanak-kanak perempuan telah ditikam ketika mereka menghadiri kelas tarian [Bernama, 2024]. Rusuhan tersebut telah mengakibatkan berlakunya tindak balas daripada beberapa kumpulan dengan melakukan serangan ganas. Pihak berkuasa Britain menjelaskan bahawa punca berlaku rusuhan kaum ialah akibat penyebaran berita palsu daripada individu yang anti Islam melalui aplikasi dalam telefon mudah alih.

Justeru, apakah kaitan antara aplikasi media sosial dengan PRU atau PRK? Realitinya, setiap kali diadakan PRK, maka akan kedengaran pelbagai berita palsu yang disebar oleh askar siber melalui media sosial. Kebanyakan berita palsu boleh membawa kemudaratan kerana ianya boleh menimbulkan kebencian kaum, perbalahan dalam kalangan masyarakat dan rusuhan kaum seperti yang berlaku di Southport, utara England. Jika dibandingkan kempen PRK antara PH dengan PN, ternyata bahawa PN banyak menyebarkan maklumat palsu yang boleh menimbulkan kebencian rakyat terhadap kerajaan. Sebagai contoh, isu air dijadikan senjata untuk meraih undi daripada pengundi PRK Sungai Bakap, walhal masalah air tidaklah kritikal walaupun ada ketikanya berlaku gangguan bekalan air secara berkala [Nur Izzati Mohamad, 2024]. Isu air bukanlah merupakan isu baharu kerana masalah tersebut sudah pun berlaku sejak beberapa tahun lalu. Realitinya, masalah air yang melanda negara bukan sahaja berlaku di Sungai Bakap, malahan ianya berlaku di beberapa negeri. Namun, jaminan daripada PH bahawa mereka tidak akan mengabaikan tanggungjawab, sebaliknya berusaha menyelesaikan isu berkenaan tanpa mengira fahaman politik [Nur Izzati Mohamad, 2024].

Selanjutnya, isu skim subsidi diesel bersasar dijadikan modal berkempen oleh PN dalam usaha untuk memburukkan reputasi PH. Memang benar kerajaan mengapungkan harga diesel mengikut harga pasaran dan tujuan utama kerajaan berbuat sedemikian ialah untuk menyelesaikan masalah penyeludupan [Astro Awani, 2024]. Selain itu, hujah dangkal daripada PN ialah akan berlaku kenaikan harga barang apabila harga diesel dinaikkan oleh kerajaan. Realitinya, kerajaan mempunyai mekanisme untuk memastikan harga barangan tidak naik dengan memberikan subsidi diesel kepada mana-mana pihak yang layak. Oleh itu, kenaikan harga barangan tetap akan berlaku, tetapi dalam nisbah yang kecil. Hal ini kerana setiap syarikat pengeluaran atau pengangkutan akan mendapat subsidi diesel dan subsidi tersebut dilihat dapat menampung kos harga semasa diesel. Justeru, sehingga artikel ini ditulis, tiada maklumat yang dapat membuktikan bahawa harga barangan keperluan harian telah naik mendadak dan ianya membebaskan rakyat. Cuma terdapat laporan yang menjelaskan bahawa harga ayam di Johor Bharu turun RM2 sekilogram dan ini membuktikan bahawa pelaksanaan skim subsidi diesel tidak menaikkan harga barangan [Togi Marzuki, 2024].

Kebanyakan rakyat akan tergoda dengan slogan "harga diesel naik, maka harga barangan pun akan naik". Persoalannya di sini adakah kenaikan harga barangan bergantung kepada harga diesel? Bagaimana pula dengan faktor-faktor lain yang boleh menghancurkan rantaian peredaran sumber makanan? Realitinya, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan harga barangan menjadi mahal iaitu a) berlakunya kekurangan sumber makanan, b) peperangan yang berterusan, c) cuaca yang ekstrem, d) bencana alam dan e) cara penanaman yang ketinggalan zaman. Kesemua faktor tersebut menyumbang kepada kenaikan harga barangan kerana berlakunya permintaan dan penawaran yang tidak seimbang. Justeru, di manakah logiknya apabila PN menyatakan bahawa diesel dilihat sebagai punca harga barangan menjadi mahal? Ironisnya, mengapa kebanyakan rakyat sama ada golongan bawahan dan cerdik pandai mudah mempercayai propaganda murahan yang dilemparkan oleh PN? Hal ini kerana masyarakat zaman sekarang lebih mempercayai kandungan palsu media sosial daripada mencari jawapan yang sebenar.

Sementara itu, isu harga barangan menjadi perdebatan hangat dalam kalangan rakyat ketika PN menjadi kerajaan pada 2020. Harga barangan harian seperti telur, ayam, tepung dan minyak masak bukan sahaja menjadi mahal, malahan tiada bekalan di pasaran. Rakyat terpaksa mencari di serata kedai untuk mendapatkan barangan tersebut. Krisis ini menjadi lebih kritikal bila tibanya hari perayaan dan PN dilihat gagal menyelesaikan masalah tersebut dengan sistematik. Walaupun PN menubuhkan pasukan khas jihad ekonomi yang bertujuan untuk mengawal dan menurunkan harga barangan, ternyata bahawa badan tersebut hanya diwujudkan untuk mengaburi mata rakyat [Mohd Azlim Zainury, 2022]. Ironisnya, mengapa harga barangan menjadi murah, stabil, stok yang banyak dan mudah didapati apabila PH menjadi kerajaan? Adakah harga

barangan akan turun dengan sendiri apabila berlakunya perubahan kerajaan? Jelas bahawa PN hanya bijak bersandiwara di hadapan rakyat dengan menyiarkan propaganda di media sosial kononnya merekalah yang paling hebat dalam mentadbir negara.

Seterusnya, cara PN berkempen semasa di PRK Nenggiri tiada banyak perbezaan dengan PRK Sungai Bakap. PN masih bermain dengan isu kaum, agama dan raja (3R) untuk meraih sokongan pengundi. Sebagai contoh, bekas PM Muhyiddin Yassin telah mempertikaikan kebijaksanaan Agong melantik PM ke-10 pada Nov 2022 lalu. Muhyiddin bertegas bahawa beliau mempunyai 115 akaun bersumpah (SD) daripada ahli parlimen yang menyokongnya dan berdasarkan jumlah tersebut, maka beliau sepatutnya dilantik menjadi PM ke-10 [Kosmo, 2024]. Kenyataan Muhyiddin memanipulasi fakta dan membawa naratif negatif kepada rakyat bahawa Agong seolah-olah tidak berlaku adil semasa memilih PM ke-10. Selanjutnya, kenyataan beliau ini juga kelihatan tidak matang, menampilkan seolah-olah beliau masih tidak boleh menerima kenyataan yang beliau tidak dilantik sebagai PM. Selain itu, kenyataan ini juga adalah sangat merbahaya kerana secara terang-terangan menghasut rakyat agar hilang kepercayaan terhadap Institusi Raja-raja Melayu serta memecahbelahkan rakyat.

Seterusnya, isu yang sering kali diulang sebut oleh PN apabila berlakunya PRK ialah dengan memainkan isu perkauman. PN skeptikal dengan kewujudan Parti Tindakan Rakyat (DAP) dan mereka secara sengaja dan sedar melabelkan parti tersebut sebagai kafir harbi [Bernama, 2024]. Ungkapan kafir harbi boleh disifatkan sebagai satu kenyataan yang merbahaya kerana ianya dapat merosakkan perpaduan selain mengancam keharmonian negara yang dibina atas dasar toleransi serta hormat menghormati. Tambahan pula, kenyataan tersebut juga berpotensi menimbulkan ketegangan dan perpecahan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berlainan agama dan bangsa. Persoalannya di sini ialah mengapakah isu perkauman dijadikan senjata oleh PN semasa kempen PRU atau PRK? Rakyat beragama Islam memahami bahawa gelaran kafir harbi terhadap orang bukan Islam akan membawa implikasi buruk dan dahsyat terhadap mereka. Hal ini kerana jiwa mereka halal untuk diperangi, keamanan mereka tidak akan dijaga serta keselamatan harta benda mereka tidak akan dijamin. Kesimpulannya, PN seolah-olah mengajak rakyat beragama Islam untuk keluar memberontak dan menghapuskan golongan bukan Islam di Malaysia.

Sebagai kesimpulan, media sosial dikategorikan sebagai platform interaksi yang paling strategik untuk menyebarkan berita sahih atau sebaliknya. Peristiwa yang berlaku di Southport, utara England sepatutnya memberikan pengajaran kepada kerajaan bahawa mereka tidak boleh lalai dan bertindak secara sambil lewa dalam menyelesaikan masalah berita palsu. Hal ini kerana sebaran berita palsu dalam media sosial boleh merebak dengan pantas dan kerajaan akan menanggung risiko kehilangan kuasa jika tidak menangani perkongsian berita palsu dalam masa yang pantas. PN menyedari bahawa kaedah yang paling mudah untuk menaikkan kemarahan rakyat terhadap kerajaan ialah dengan memainkan isu 3R. Selanjutnya, PN melalui askar sibernya akan melemparkan benih kebencian melalui media sosial dan benih tersebut akan disambut oleh penyokong tegar dengan memperbesarkan isu itu. Sesudah itu, mereka akan memastikan isu tersebut menjadi tular di media sosial dan mereka mula mengkritik kerajaan dengan pelbagai kata-kata yang kurang menyenangkan [Saiyid, R. S. S., 2020].

4. Penyokong dan aktor politik semasa PRK

Apabila SPR mengumumkan tarikh PRK, maka parti politik bersama penyokongnya akan membuat persiapan untuk memastikan *status quo* mereka sebagai penyandang kerusi terus kekal menjadi miliknya. Parti politik yang belum berkuasa di tempat berlakunya PRK akan berusaha untuk memastikan mereka dapat memenangi PRK tersebut. Proses perebutan kuasa adalah merupakan senario biasa dalam dunia politik. Hal ini kerana mereka yang sudah berkuasa akan memastikan kuasa tersebut akan kekal menjadi haknya manakala mereka yang belum berkuasa akan terus berusaha untuk mendapatkannya. Oleh itu, penyokong dan aktor politik akan menyusun strategi dalam usaha untuk memujuk rakyat agar terus memberikan undi kepada mereka. Namun, kebanyakan penyokong dan aktor politik gemar mengitar semula isu-isu lapuk dan mereka sering memainkan isu 3R untuk menjatuhkan pihak lawan. Realitinya, PN lebih cenderung menggunakan isu 3R dalam usaha untuk meraih sokongan daripada pengundi.

Sebagai contoh, PRK DUN Kuala Kubu Bharu (KKB) memperlihatkan calon DAP mewakili PH manakala PN menamakan Bersatu sebagai calon yang mewakili mereka. DAP telah memenangi kerusi DUN KKB pada PRU15 dan mereka berusaha untuk mengekalkan status quo di tempat tersebut. Sudah pasti DAP akan menamakan calon bukan Melayu sebagai individu yang akan bertanding dalam PRK DUN KKB. Hal ini kerana sejak dulu lagi penyandang kerusi DUN KKB adalah calon bukan Melayu. Justeru, isu kaum dan politik kebencian yang dimainkan oleh PN ialah sejauh manakah calon PRK DUN KKB fasih berbahasa Melayu [Malaysiakini, 2024]? Apabila dinamakan calon bukan Melayu, adakah secara automatik mereka gagal menguasai bahasa Melayu? Realitinya, ramai calon DAP yang fasih berbahasa Melayu seperti Steven Sim, Nga Kor Ming, Lim Guan Eng dan sebagainya. Kefasihan berbahasa Melayu mereka ada ketikanya mengalahkan mereka yang mengklasifikasikan dirinya sebagai orang Melayu. Oleh itu, apakah motif sebenar PN mempertikaikan kebolehan berbahasa Melayu

daripada calon DAP? Ini menjelaskan bahawa PN ketandusan idea untuk berhujah mengenai apakah perancangan mereka jika mereka memenangi PRK DUN KKB.

Persoalannya seterusnya ialah apakah tujuan seseorang calon itu menawarkan dirinya untuk bertanding dalam PRU atau PRK? Adakah mereka melihat faktor gaji dan lain-lain kemudahan yang disediakan oleh kerajaan sebagai faktor yang menyebabkan mereka ingin mencuba nasib menjadi wakil rakyat? Realitinya, seseorang calon yang ingin bertanding dalam sesebuah PRU atau PRK sudah semestinya harus mempunyai kredibiliti sebagai seorang pemimpin dan dirinya bersih daripada segala skandal atau masalah peribadi. Justeru, jika dibandingkan antara calon PH dengan PN, ternyata bahawa calon PN mempunyai sejarah latar belakang yang kurang memuaskan. Setelah pencapaian pendidikannya dipersoalkan oleh rakyat, timbul pula isu yang mendakwa beliau terpalit dengan hutang daripada syarikat penyedia perkhidmatan berjumlah RM37,363 [Sinar Harian, 2024]. Oleh itu, integriti calon PN sejak awal-awal lagi sudah boleh dipertikaikan dan bagaimanakah beliau akan menguruskan DUN KKB jika beliau memenangi PRK tersebut? Dalam hal ini, rakyat harus bijak memainkan peranan mereka sebagai pengundi dan jangan memberikan kepercayaan kepada ahli politik yang hanya pandai bermain dengan propaganda politik semasa kempen pilihan raya.

Sebagai contoh lain, kejayaan seseorang calon dalam PRK bergantung kepada kerjasama anggota gabungan parti, penyokong, pengundi dan strategi. Namun, perasaan tidak puas hati terhadap anggota gabungan parti akan menyebabkan berlakunya pengkhianatan dalam kalangan penyokong atau rakan gabungan parti. Hal ini berlaku kerana ada calon yang berkecil hati disebabkan beliau gagal dinamakan sebagai calon untuk bertanding di kawasan tersebut. Justeru, beliau menghasut, menyebarkan berita palsu, menikam daripada belakang dan melakukan perbuatan khianat untuk menjatuhkan partinya. Sebagai contoh, kekalahan PH di PRK DUN Sungai Bakap bukannya disebabkan calonnya tidak berkualiti, tetapi fenomenan ini berlaku disebabkan pengkhianatan dalam kalangan anggota gabungan PH [Nambiar, P., 2024]. Tidak dinafikan bahawa wujudnya hubungan baik dalam kalangan pemimpin tertinggi anggota gabungan, tetapi hubungan akrab ini hanya terjalin di peringkat atasan dan ianya tidak berlaku di peringkat bawah. Oleh itu, tidak mustahil penyokong bawah akan mensabotaj calon pilihan parti kerana mereka tidak mempersetujui apa yang dicadangkan oleh pengurusan tertinggi parti. Justeru, faktor kekalahan seseorang calon bukan disebabkan dirinya kurang berkualiti, tetapi faktor dalaman parti yang menyebabkan beliau gagal mencapai kejayaan dalam sesuatu PRU atau PRK.

Selanjutnya, bukan semua pengundi akan keluar mengundi apabila berlakunya PRK. Hal ini kerana mereka akan memberikan pelbagai alasan seperti sibuk bekerja, tiada cuti, faktor kewangan dan pelbagai alasan lain yang tidak boleh diterima oleh akal. Realitinya, tanggungjawab pengundi ialah memilih pemimpin melalui PRU atau PRK dan jika mereka enggan keluar mengundi, maka akan muncul pemimpin yang kurang berkualiti, tidak berdaya saing dan tiada integriti. Oleh itu, pihak berkuasa harus mewajibkan setiap rakyat menunaikan tanggungjawab mereka sebagai pengundi. Jika mereka gagal melaksanakannya, maka hukuman berat seperti menyenaraihitamkan nama mereka daripada menerima bantuan kerajaan dan sebagainya. Denda sebegini bukannya berniat hendak menghukum pengundi, tetapi sebagai pengajaran kepada mereka untuk mengambil berat soal PRU atau PRK. Seterusnya, sering kali kedengaran rungutan daripada rakyat yang tidak puas hati dengan prestasi wakil rakyat di kawasannya. Ironisnya, kerajaan pusat yang akan menjadi bahan kecaman mereka walaupun wakil rakyat tersebut daripada parti pembangkang dan tiada kena mengena dengan kerajaan pusat. Justeru, pengundi juga perlu bertanggungjawab untuk memilih atau menghukum seseorang wakil rakyat semasa PRU atau PRK.

Sebagai kesimpulan, semua pihak termasuk parti politik, penyokong, pengundi dan aktor politik harus mempunyai tanggungjawab secara kolektif untuk mengekalkan status quo. Namun, wujud konflik dalaman dalam kalangan anggota gabungan yang boleh merosakkan ikatan gabungan dan sekali gus mampu menghancurkan status quo masing-masing. Realitinya, semua pihak dalam parti politik berlumba-lumba mencari pengaruh dan akan wujud perbuatan khianat, tikam daripada belakang, talem dua muka, pilih kasih dan pelbagai tindakan negatif daripada ahli parti. Hal ini terjadi kerana setiap ahli parti harus menguatkan jaringan perhubungan agar survival politiknya terpelihara. Justeru, mereka yang berkecimpung dalam dunia politik tidak akan terkejut dengan tingkah laku ahli parti yang berpaling arah atau mensabotaj sesuatu agenda parti. Oleh itu, kemenangan atau kekalahan seseorang calon sama ada dalam PRU atau PRK amat bergantung kepada kerjasama semua lapisan ahli secara kolektif.

5. Kesimpulan

Kebanyakan orang Melayu masih terikat dengan kepercayaan turun temurun yang menghalang mereka daripada mempertikaikan kebolehan seseorang pemimpin. Rakyat akan berasa bersalah jika mereka mempersendakan kredibiliti seseorang ketua walaupun cara pentadbiran ketua tersebut boleh menimbulkan ketidakpuashatian dalam kalangan rakyat. Selain itu, rakyat berasa malu untuk menegur kesilapan yang dilakukan oleh wakil rakyat kerana pada pandangan mereka, adalah tidak sopan memberikan teguran kepada seseorang ketua yang dihormati. Justeru, rakyat terpaksa menunggu lama untuk memastikan ketua yang mereka tidak

sukai itu melepaskan jawatannya secara sukarela atau tidak dicalonkan dalam PRU atau PRK yang seterusnya. Konflik inferior (inferior conflict) yang menyelubungi jiwa orang-orang Melayu telah memberikan kelebihan kepada seseorang pemimpin untuk memanipulasikan kesetiaan rakyat. Seseorang pemimpin menyedari bahawa dirinya tetap akan terpilih sebagai seorang wakil rakyat walaupun prestasinya tidak membanggakan. Hal ini kerana wujudnya masyarakat Melayu yang fanatik terhadap parti dan sikap setia secara membabi buta hanya memberikan keuntungan kepada parti.

Oleh itu, calon yang mengidam hendak menjadi wakil rakyat walaupun menyedari dirinya tidak mempunyai keterampilan sebagai ketua akan memilih parti dan tempat bertanding yang selamat. Telah dijelaskan di awal penulisan ini bahawa setiap kawasan PRU atau PRK akan wujud penyokong tegar, pengikut fanatik, biar kalah asalkan parti kesukaan mereka mentadbir dan enggan menukar parti pemerintah merupakan faktor yang boleh memberikan kelebihan kepada parti tersebut. Justeru, kajian ini mendapati bahawa konflik inferior, sikap malu untuk menegur kesalahan wakil rakyat, fanatik kepada parti dan biar kalah dalam PRU atau PRK asalkan parti kesukaan mereka mentadbir akan memberikan keuntungan kepada parti. Dalam hal ini, parti yang tidak berdaya saing akan terus menjadi pemerintah kerana wujudnya sokongan akar umbi yang sukar digugat. Oleh itu, terdapat kemungkinan proses pembangunan yang sepatutnya dilaksanakan oleh pemerintah akan menjadi perlahan atau tidak kelihatan disebabkan kredibiliti parti pemerintah yang tidak berdaya saing.

Acknowledgement

This section is compulsory. Acknowledgements and Reference heading should be left justified, bold, with the first letter capitalized but have no numbers. Text below continues as normal. Example, Communication of this research is made possible through monetary assistance by Universiti Tun Hussein Onn Malaysia and the UTHM Publisher's Office via Publication Fund E15216.

Commented [MABZ1]: Use Acknowledgement Style

Commented [F.2]: Please fill in the information marked in yellow

Rujukan

- [1] Saiyid, R. S. S.(2021). Political Coup from Pakatan Harapan to Perikatan Nasional: A Nightmare Tragedy During Pandemic Covid-19. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*. 2 (2): 15-23 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Publisher's Office. e-ISSN: 2773-4781. (hlm 17).
- [2] Syahira Yahya. (12 Ogos 2023). Ahmad Amzad menang semula kerusi Parlimen Kuala Terengganu Dimuat turun daripada <https://malaysiagazette.com/2023/08/12/ahmad-amzad-menang-semula-kerusi-parlimen-kuala-terengganu/>
- [3] Muhafandi Muhamad. (19 Jun 2024). Kerusi DUN Nenggiri diisytihar kosong - Speaker DUN Kelantan. Dimuat turun daripada <https://www.astroawani.com/berita-politik/terkini-kerusi-dun-nenggiri-diisytihar-kosong-speaker-dun-kelantan-475372>
- [4] Abd Razak Mohd Ali (30 Jun 2024). 6 MP Bersatu sokong PM sudah beri penjelasan kepada Speaker - Syed Abu Hussin. Dimuat turun daripada <https://www.astroawani.com/berita-politik/6-mp-bersatu-sokong-pm-sudah-beri-penjelasan-kepada-speaker-syed-abu-hussin-476953>
- [5] Abdullah Zaid. (12 Julai 2024). Tidak kosong 6 kerusi: 'Keputusan Speaker sah ikut tafsiran undang-undang'. Dimuat turun daripada <https://www.suarakeadilan.my/post/tidak-kosong-6-kerusi-keputusan-speaker-sah-ikut-tafsiran-undang-undang>
- [6] Mohd Zulkifli Zainuddin. (18 Mei 2018). Nik Omar dilarang jadi imam Masjid Tok Guru. Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2018/05/427242/nik-omar-dilarang-jadi-imam-masjid-tok-guru>.
- [7] Saiyid R. S. S. (2021). Pakatan Harapan dan Senario Politik Kelantan: Analisis Pengajaran Politik Pasca PRU14 (2018-2020). *e-JURNAL PENYELIDIKAN DAN INOVASI rmc.kuis.edu.my/jpi/*. 8 (1) (April 2021): pp 25-55. e-ISSN 2289-7909. (hlm 47-49).
- [8] Bernama. (8 Ogos 2024). Maklumat salah punca rusuhan di UK: Media sosial jadi dalang penyebarannya. Dimuat turun daripada <https://www.astroawani.com/berita-dunia/maklumat-salah-punca-rusuhan-di-uk-media-sosial-jadi-dalang-penyebarannya-482574>

- [9] Nur Izzati Mohamad. (24 Jun 2024). Menang atau kalah, Kerajaan Pusat terus atasi isu air Sungai Bakap. Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/06/1262385/menang-atau-kalah-kerajaan-pusat-terus-atasi-isu-air-sungai-bakap>
- [10] Nur Izzati Mohamad. (29 Jun 2024). 'Isu air bukan hanya di Nibong Tebal tetapi beberapa negeri seluruh negara' - PM Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/06/1264856/isu-air-bukan-hanya-di-nibong-tebal-tetapi-beberapa-negeri-seluruh>
- [11] Astro Awani. (24 Mei 2024). Kerajaan salur RM1 bilion sebulan subsidi diesel, ketirisan RM4.5 juta sehari - Amir Hamzah. Dimuat turun daripada <https://www.astroawani.com/berita-bisnes/kerajaan-salur-rm1-bilion-sebulan-subsidi-diesel-ketirisan-rm45-juta-sehari-amir-hamzah-471990>
- [12] Togi Marzuki. (11 Ogos 2024). Ayam segar di Johor tak laku, harga turun RM2 sekilogram. Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1283451/ayam-segar-di-johor-tak-laku-harga-turun-rm2-sekilogram>
- [13] Mohd Azlim Zainury. (4 Sept 2022). Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi gagal main peranan. Dimuat turun daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/219761/berita/nasional/pasukan-khas-jihad-tangani-inflasi-gagal-main-peranan>
- [14] Kosmo. (19 Ogos 2024). Pertikai lantik Anwar PM, Tengku Hassanah mahu polis ambil tindakan terhadap Muhyiddin. Dimuat turun daripada <https://www.kosmo.com.my/2024/08/19/pertikai-al-sultan-abdullah-lantik-anwar-jadi-pm-tengku-hassanal-mahu-polis-ambil-tindakan-terhadap-muhyiddin/>
- [15] Bernama. (10 Ogos 2024). PRK Nenggiri: Pemuda DAP Gua Musang buat laporan polis berhubung isu kafir harbi. Dimuat turun daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/prk-nenggiri-pemuda-dap-gua-musang-buat-laporan-polis-berhubung-isu-kafir-harbi-482969>
- [16] Saiyid, R. S. S. (2020). Dari parti serpihan ke rakan gabungan Pakatan Harapan: evolusi Gerakan Harapan Baru (2015-2018). *Jurnal Perspektif*. Jil 12. (1): 1-11. ISSN 1985-496X /eISSN 2462-2435. (hlm 8).
- [17] Malaysiakini. (29 April 2024). Semua subjek A - Calon PH sahut cabaran PAS, dedah keputusan SPM. Dimuat turun daripada <https://www.malaysiakini.com/news/703904>
- [18] Sinar Harian. (2 Mei 2024). PRK Kuala Kubu Baharu: Tular pula isu hutang, calon PN enggan jawab. Dimuat turun daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/prk-kuala-kubu-baharu-tular-pula-isu-hutang-calon-pn-enggan-jawab-468805>
- [19] Nambiar, P. (8 Julai 2024). Instant sacking for Penang Umno man who backed PN in Sungai Bakap. Dimuat turun daripada <https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/07/08/instant-sacking-for-penang-umno-man-who-backed-pn-in-sg-bakap/>